



## **SOALAN-SOALAN LAZIM – BSN EduSave-i**

No.	Questions	Answers								
1.	Apakah BSN EduSave-i?	<p>BSN EduSave-i merupakan sebuah akaun simpanan yang bertujuan untuk membina komitmen simpanan tetap bagi pengajian tinggi anak-anak pada masa hadapan.</p> <p>Simpanan akan disumbangkan setiap bulan ke dalam akaun dan pemegang akaun boleh menikmati kadar keuntungan yang lebih tinggi berbanding akaun simpanan biasa berserta keuntungan bonus diberikan ke atas keuntungan yang diperoleh.</p> <p>Pelanggan boleh memilih untuk tempoh simpanan satu (1), tiga (3) atau lima (5) tahun.</p>								
2.	Siapa yang boleh membuka akaun BSN EduSave-i?	<p>Akaun ini layak untuk warganegara Malaysia dan pemastautin tetap. Pemegang akaun layak sehingga umur maksimum lapan belas (18) tahun pada usia matang akaun.</p> <table border="1"><thead><tr><th>Umur Permulaan</th><th>Tempoh Yang Layak</th></tr></thead><tbody><tr><td>16 – 17 tahun</td><td>1 tahun</td></tr><tr><td>13 – 15 tahun</td><td>1 atau 3 tahun</td></tr><tr><td>7 – 12 tahun</td><td>1, 3 atau 5 tahun</td></tr></tbody></table> <p><i>Nota: Kelayakan ketika membuka akaun adalah ketika berumur tujuh (7) hingga tujuh belas (17) tahun.</i></p> <p><i>Nota: Hanya ditawarkan untuk akaun individu sahaja. Tidak ditawarkan untuk Akaun Bersama atau Amanah.</i></p>	Umur Permulaan	Tempoh Yang Layak	16 – 17 tahun	1 tahun	13 – 15 tahun	1 atau 3 tahun	7 – 12 tahun	1, 3 atau 5 tahun
Umur Permulaan	Tempoh Yang Layak									
16 – 17 tahun	1 tahun									
13 – 15 tahun	1 atau 3 tahun									
7 – 12 tahun	1, 3 atau 5 tahun									
3.	Bagaimana untuk membuka akaun BSN EduSave-i?	<p>Pelanggan dikehendaki membuat permohonan melalui kaunter di mana-mana Cawangan BSN terdekat.</p> <p>Dokumen yang diperlukan untuk pembukaan akaun adalah sama ada dokumen pengenalan ibu bapa (ibu atau bapa) (MyKad) dan dokumen pengenalan diri kanak-kanak (MyKid / sijil kelahiran).</p>								
4.	Adakah produk ini patuh Syariah?	Ya, BSN EduSave-i merupakan produk simpanan patuh syariah sepenuhnya berdasarkan konsep Murabahah Komoditi (Tawarruq).								
5.	Berapa kerap simpanan mesti dibuat ke akaun?	Sekurang-kurangnya RM50 perlu dimasukkan ke dalam akaun simpanan <b>setiap bulan</b> sehingga tempoh matang.								
		<p><b>Nota:</b> Deposit minimum adalah RM50 setiap peletakan (atau pindahan ke dalam akaun) dan sebarang peletakan (atau pindahan ke dalam akaun) bawah RM50 tidak dibenarkan.</p>								
6.	Apakah baki minimum yang perlu dikekalkan dalam akaun?	RM10								
7.	Bolehkah saya membuat pengeluaran wang daripada akaun?	<p>Ya, tertakluk kepada baki simpanan minimum.</p> <p>Walau bagaimanapun, kami menggalakkan anda untuk mengekalkan simpanan tersebut bagi memaksimumkan potensi simpanan anak anda.</p>								
8.	Bagaimanakah saya boleh membuat pengeluaran wang daripada akaun?	Anda boleh membuat pengeluaran wang melalui kaunter di mana-mana Cawangan BSN terdekat atau di mana-mana kiosk Mesin Teler Automatik (ATM).								

		Pindahan keluar dari akaun adalah tidak dibenarkan termasuk pindahan keluar DuitNow dan IBG melalui Perbankan Internet myBSN dan Aplikasi myBSN Mobile.																				
9.	Bagaimakah saya boleh membuat deposit tambahan ke dalam akaun?	<p>Anda boleh membuat deposit simpanan tambahan melalui kaunter di mana-mana Cawangan BSN terdekat, segala jenis pindahan <b>ke dalam</b> akaun, deposit tunai melalui Mesin Deposit Tunai (CDM) atau dengan membuat Arahan Tetap. Anda dikehendaki membuat Arahan Tetap melalui Cawangan BSN buat kali pertama.</p> <p>Apa-apa peletakan ke dalam akaun adalah tertakluk kepada amaun minimum RM50 setiap transaksi. Sekiranya ada percubaan untuk membuat deposit di bawah amaun minimum, transaksi tersebut tidak akan berjaya.</p>																				
10.	Apakah kekerapan pengkreditan keuntungan dan pengkreditan bonus?	Keuntungan dan bonus akan dikreditkan ke akaun setiap tahun ( <i>pada ulang tahun pembukaan akaun</i> ).																				
11.	Bagaimana keuntungan dikira?	<p>Keuntungan = Baki Harian x Kadar Keuntungan x bilangan hari / 365 atau 366 hari</p> <p><i>Ilustrasi untuk keuntungan diperoleh bagi tempoh 1 tahun:</i></p> <p><math>RM1,050 \times 1.5\% \times 31/365 = RM1.34</math> untuk bulan pertama</p> <p>Kaedah kiraan yang sama terpakai untuk setiap bulan dalam tahun tersebut:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th>TAHUN 1</th> <th>Bulan 1</th> <th>Bulan 2</th> <th>~</th> <th>Bulan 12</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Baki Simpanan</td> <td>1,050</td> <td>1,100</td> <td>...</td> <td>1,600</td> </tr> <tr> <td>Simpanan Bulanan</td> <td>50</td> <td>50</td> <td>...</td> <td>50</td> </tr> <tr> <td>Perolehan Keuntungan Bulanan</td> <td>1.34</td> <td>1.36</td> <td>...</td> <td>2.10</td> </tr> </tbody> </table> <p>Maka, keuntungan bagi Tahun1 bersamaan jumlah perolehan 12 bulan:</p> <p>Keuntungan Tahun 1 = <math>1.34 + 1.36 + \dots + 2.10</math></p> <p><b>Keuntungan Tahun 1 = RM19.90</b></p>	TAHUN 1	Bulan 1	Bulan 2	~	Bulan 12	Baki Simpanan	1,050	1,100	...	1,600	Simpanan Bulanan	50	50	...	50	Perolehan Keuntungan Bulanan	1.34	1.36	...	2.10
TAHUN 1	Bulan 1	Bulan 2	~	Bulan 12																		
Baki Simpanan	1,050	1,100	...	1,600																		
Simpanan Bulanan	50	50	...	50																		
Perolehan Keuntungan Bulanan	1.34	1.36	...	2.10																		
12.	Bagaimana bonus atas keuntungan dikira?	<p>Berikut adalah formula pengiraan bonus:-</p> <p><math>\text{Bonus} = \text{Keuntungan yang diperolehi} \times \text{Kadar Bonus}</math></p> <p><i>Ilustrasi:</i> <math>RM19.90 \times 5\% = RM1.00</math> bonus diberi</p>																				
13.	Apa yang berlaku sekiranya saya terlepas dalam membuat deposit simpanan bulanan?	<p>Kadar keuntungan akan bertukar kepada kadar yang bersamaan BSN GIRO-i semasa jika:</p> <p>Tiada simpanan minimum bulanan dibuat sebanyak tiga (3) bulan dalam tempoh dua belas (12) bulan.</p>																				
14.	Apa yang berlaku setelah akaun matang?	<p>Setelah matang, akaun BSN EduSave-i akan ditutup dan Bank akan mengkreditkan apa-apa dan semua jumlah keuntungan yang perlu dibayar kepada akaun dan akaun akan ditukar secara automatik kepada akaun simpanan BSN GIRO-i.</p> <p>Jika anda sudah mempunyai akaun BSN GIRO-i atau apa-apa akaun deposit dengan BSN, baki akaun akan dipindahkan ke akaun deposit BSN anda, akaun EduSave-i akan ditutup, dan tiada pertukaran automatik akan berlaku.</p> <p>Selepas itu, semua manfaat akaun BSN EduSave-i tidak lagi berkuat kuasa.</p>																				

15.	Adakah Kad Debit akan dikeluarkan?	<p>Kad Debit BSN adalah pilihan dan hanya akan dikeluarkan untuk pemegang akaun berumur tiga belas (13) tahun hingga tujuh belas (17) tahun.</p> <p><b>Nota:</b> <i>Tanpa Kad Debit, anda hanya boleh membuat pengeluaran melalui kaunter BSN kerana pindahan keluar dari akaun adalah tidak dibenarkan.</i></p>
16.	Adakah Perbankan Internet myBSN tersedia?	<p>Perbankan Internet myBSN tersedia bagi akaun yang mempunyai BSN Kad Debit. Melalui myBSN, pemegang akaun boleh melihat baki akaun, sejarah transaksi dan mendapatkan penyata akaun.</p> <p><b>Nota:</b> <i>Fungsi Perbankan Internet myBSN lain termasuk pindahan keluar dari akaun adalah tidak dibenarkan untuk EduSave-i.</i></p>
17.	Adakah terdapat sebarang yuran perkhidmatan yang dikenakan untuk produk?	<p>Bayaran sebanyak RM20 akan dikenakan untuk mana-mana akaun yang ditutup dalam masa enam (6) bulan akaun dibuka. Di samping itu, yuran &amp; caj biasa yang dikenakan untuk Kad Debit BSN akan dikenakan.</p> <p>Untuk senarai penuh fi dan caj bsgj perkhidmatan Perbankan BSN, sila layari laman web BSN <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a>.</p>
18.	Di mana boleh dapatkan Terma dan Syarat Produk?	Terma dan Syarat Produk da Penyata Pendedahan Produk boleh didapati dari laman web BSN <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a> .
19.	Apakah saluran yang disediakan sekiranya saya ingin mengetahui maklumat dengan lebih lanjut?	<p>Anda boleh mendapatkan maklumat daripada saluran-saluran berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Layari laman web BSN <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a></li> <li>2. Kunjungi mana-mana Cawangan BSN berdekatan</li> <li>3. Hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN melalui talian 1300-88-1900 yang beroperasi dari 8.00 pagi hingga 10.00 malam</li> </ol>